

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2016

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keuntungan atau kerugian yang dicatatkan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines (MAS) bermula daripada syarikat tersebut ditubuhkan sehingga kini. Adakah MAS wajar diteruskan atau pun tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airlines System Berhad (MAS) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 3 April 1971. Melalui Dasar Penswastaaan, MAS telah dikorporatkan dan seterusnya disenaraikan di Bursa Malaysia pada

tahun 1985.

MAS mula mencatatkan kerugian pada tahun 1997 dengan kerugian selepas cukai sebanyak RM259.9 juta dan kerugian berkenaan terus meningkat kepada RM835.6 juta pada tahun 2001, kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa tersebut. MAS kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2002 hingga 2004 setelah melaksanakan penyusunan semula melalui *Widespread Assets Unbundling* (WAU). Walau bagaimanapun, MAS kembali mencatatkan kerugian sebanyak RM1.25 bilion pada tahun 2005 dan RM133 juta pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api di pasaran dunia. Bagi memulihkan kedudukan kewangannya, MAS telah melaksanakan beberapa strategi dan program merangkumi Pelan Pemulihan Perniagaan (Business Turnaround Plan 1 - BTP1) pada Februari 2006 dan BTP2 pada Januari 2008. Susulan pelaksanaan strategi berkenaan, MAS berjaya mencatatkan keuntungan mulai tahun 2007 sehingga 2010.

MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion. Namun demikian, dengan pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaan, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan

mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan kerugian yang berterusan, Khazanah Nasional Bhd telah melancarkan Pelan Pemulihan MAS (PPM) pada 29 Ogos 2014 yang memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Di bawah PPM, semua operasi MAS telah dipindahkan kepada syarikat baharu iaitu Malaysia Airlines Bhd (MAB) mulai 1 September 2015. Berdasarkan komitmen dan fokus ke atas pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif yang telah dikenalpasti dan dilaksanakan secara berperingkat di bawah PPM, MAB akan terus beroperasi dan diyakini akan menunjukkan peningkatan prestasi perkhidmatan yang lebih positif dan dijangka mencatatkan keuntungan menjelang tahun 2018.